# JABATAN KERJA RAYA
## KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan / UPKJ / PUKONSA** dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

| Pejabat Yang Memanggil Tender | Tajuk Projek (Pembiayaan) | Taraf /Jenis Syarikat | Kelayakan | Tarikh & Cara Dokumen Dijual | Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama | Tempat, Tarikh & Waktu Tender Ditutup |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERLIS, KM 3, JALAN RAJA SYED ALWI, 01000 KANGAR, PERLIS** | **KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH DAN MENAIKTARAF MASJID MUHAMMADI, SUNGAI ADAM, JEJAWI, PERLIS** | **BUMIPUTERA T1** | **LPIPM (CIDB) GRED: G4**<br><br>**KATEGORI: B**<br><br>**PENGKHUSUSAN: B04 dan B24**<br><br>Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan / PUKONSA /UPJK | **Dokumen dijual secara atas talian melalui sistem JCloud JKR**<br><br>**Kontraktor dikehendaki mengisi BORANG SARINGAN WAJIB dipautan** https://forms.gle/V2ME3vMYtRxDfWUs7 **serta di laman sesawang JKR Perlis: www.jkrperlis.gov.my**<br><br>**pada :**<br><br>**18 Oktober 2021 (Isnin) hingga 20 Oktober 2021 (Rabu)**<br><br>Kontraktor yang tidak mengisi borang saringan wajib tidak layak menyertai tender ini.<br>Kontraktor yang lulus saringan akan dimaklum melalui email rasmi syarikat selewat-lewatnya **25 Oktober 2021 (Isnin)**<br><br>**Tarikh Dokumen Dijual:**<br><br>**2 November 2021 (Selasa)**<br><br>**Hingga**<br><br>**15 November 2021 (Isnin)** | **RM 100.00**<br><br>Secara *Instant Transfer* (Online Banking) bagi kontraktor yang melepasi saringan wajib sahaja.<br><br>Atas nama **Akauntan Negara Malaysia- KKR-T** | **Jabatan Kerja Raya Negeri Perlis, Tingkat 2, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, KM3, Jalan Raja Syed Alwi, 01000 Kangar, Perlis.**<br><br>**Tarikh Tutup Tender:**<br><br>**29 November 2021 (Isnin)**<br><br>(Dokumen Tender boleh dikemukakan secara serahan tangan/kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam Arahan Kepada Petender)<br><br>**Waktu:**<br><br>**5.00 petang**<br><br>**Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan** |

Taklimat Tender dan Lawatan Tapak **DIWAJIBKAN.** Tempat, tarikh dan masa taklimat tender dan lawatan tapak akan dimaklumkan melalui email kepada Petender yang lulus saringan wajib.

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh dimuat turun melalui **sistem JCloud JKR.**

Bagi sesi pengisian saringan wajib, hanya penama yang tercatat di dalam sijil LPIPM (CIDB), SPKK, PUKONSA atau UPKJ boleh mengisi dan memuat naik sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh CIDB, PUKONSA dan UPKJ (jika berkenaan).

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat secara *Instant Transfer* (Online Banking) di atas nama **Akauntan Negara Malaysia-KKR-T**, bukti transaksi perlu dikemukakan melalui email kepada masjidmuhammadi.perlis@jkr.gov.my dan disalinkan ke alamat e-mail akaun.kementerian@kkr.gov.my dan cpph@kkr.gov.my sebagai slip bayaran. "**Hanya petender yang layak dan telah mengemukakan slip bayaran akan menerima nama pengguna beserta kata laluan atau pautan muat turun melalui e-mail untuk memuat turun Dokumen Tender daripada Jcloud".**

**Petender hendaklah mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) seperti yang dinyatakan di dalam Arahan Kepada Petender.**

*Jenis Pendaftaran:

T1 – Syarikat yang 100% milik tempatan.

A1 – Syarikat tempatan yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan; ATAU Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia, iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh warganegara dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% warganegara tempatan.

A2 – Syarikat tempatan yang mempunyai pegangan ekuiti sekurang-kurangnya 70% milik warganegara tempatan; ATAU Syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia; ATAU Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira sama ada disenaraikan di Bursa Malaysia ataupun tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara tempatan